

TEKS UCAPAN
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA
LAWATAN KE KAWASAN OPERASI PASIR (SELATAN)
DI PENGKALAN TLDM TELUK SEPANGGAR
PADA 13 OGOS 2011

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Satu Malaysia.

Mengadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibnu Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, merangkap Tuanku Canselor UniMAP

dan Raja Puan Muda Perlis Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, merangkap Pro-Canselor UniMAP.

Ampun Tuanku sembah patik mohon diampun,

Adalah patik dengan segala hormat takzimnya, memohon ampun merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli-duli Tuanku bercemar Duli berangkat

mengetuai delegasi Jawatankuasa Pendokong Askar Wataniah (JAKPAW) Perlis ke kawasan Operasi Pasir ini. Sesungguhnya perkenan Duli-duli Tuanku bercemar Duli berangkat ke program sebegini akan memberikan seribu pengertian kepada patik sekalian.

Ampun Tuanku, Izini patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang dimuliakan.

Yang Berhormat Kol (K) Dato' Azizan bin Hamid, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis,

Yang Berbahagia Sahibus Samahah Dr Juanda bin Hj Jaya, Mufti Negeri Perlis,

Yang Berhormat Tuan Romli Dai , Pegawai Kewangan Negeri Perlis,

Yang Berhormat Tuan Mohd Khalid Ahmad, Senator Ahli Dewan Negara,

Yang Dihormati SAC Zull Aznam Ibrahim, Ketua Polis Perlis,

Anggota Jawatankuasa Pendokong Askar Wataniah (JAKPAW) Perlis yang menyertai Lawatan ke Kawasan Operasi Pasir (Selatan),

Anggota Tentera DiRaja Malaysia, Wakil-wakil Media,

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita semua berkumpul pada hari yang berbahagia ini untuk bersama-sama dalam majlis ilmu ini.

Hadirin hadirat sekalian,

Saya bersama delegasi bersama sangat gembira kerana diberi peluang untuk bersama-sama dengan anggota tentera di Pangkalan TLDM Teluk Sepanggar ini. Bersempena dengan perjumpaan ini, saya mewakili UniMAP ingin menyampaikan sumbangan berupa buku sebanyak 15 buah. Buku-buku ini merupakan terbitan UniMAP yang dihasilkan oleh staf UniMAP sendiri. Untuk makluman hadirin, sumbangan ini adalah sebagai satu bentuk pembangunan ilmu kepada warga TLDM. Saya juga berharap melalui sumbangan ini sekaligus akan memperkenalkan UniMAP kepada warga TLDM dan juga anak-anak para anggota sekalian. Seperti yang kita tahu, selagi ilmu tersebut dimanfaatkan oleh seseorang, selagi itulah si pemberi akan memperolehi keberkatan. Semoga sumbangan buku ini akan dimanfaatkan sebagai ilmu tambahan buat kalian sekaligus akan memberikan keberkatan juga buat UniMAP. Amin.

Ilmu pengetahuan amat penting dalam memartabatkan sesuatu kaum, ini kerana dengan menguasai ilmu pengetahuan, sesuatu kaum itu akan dihormati. Melalui ilmu

pengetahuan juga, manusia dapat mencipta pelbagai teknologi untuk memudahkan kehidupan.

Sebagai sebuah Institut Pengajian Tinggi di negara ini, Universiti Malaysia Perlis merasa bertanggungjawab untuk membantu semua rakyat di negara ini dalam usaha memberi ilmu pengetahuan walaupun terletak jauh di Utara Tanahair.

Hadirin hadirat sekalian,

Mungkin ada diantara anda semua yang masih belum mengenali apa itu Universiti Malaysia Perlis atau singkatannya UniMAP. Oleh itu di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk memperkenalkan UniMAP kepada anda semua.

Untuk makluman semua, UniMAP merupakan sebuah universiti kejuruteraan dan merupakan Universiti awam ke – 17 di Malaysia. Ditubuhkan pada tahun 2002 dan dikenali sebagai Kolej Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Pada 1 Februari 2007, KUKUM melalui penjenamaan semula telah ditukar namanya menjadi UniMAP.

Sehingga kini UniMAP telah mempunyai **enam** program pengajian diploma, **dua puluh dua** program pengajian Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, **satu** program Pengajian

Perniagaan Antarabangsa, **satu** program Pengajian Keusahawanan Kejuruteraan, **tiga belas** program Ijazah Sarjana Sains dan ke semua pusat pengajian kejuruteraan menawarkan program pengajian peringkat doktor falsafah/Ph.D dalam pelbagai bidang khusus kejuruteraan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

UniMAP merupakan kampus teragih yang terletak diseluruh pelosok negeri Perlis dan sebagai sebuah universiti, sudah semestinya kita memiliki kampus tetap, yang dikenali sebagai **Kampus Alam UniMAP, Pauh Putra**. Ia meliputi kawasan seluas 1,028 ekar. Pada masa ini terdapat dua bangunan yang telah beroperasi iaitu Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik dan terdapat beberapa bangunan lagi yang sudah hampir siap pembinaannya. Antaranya ialah bangunan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik, Perpustakaan Utama, Pusat Latihan Kejuruteraan, Kompleks Dewan Kuliah dan gelanggang sukan.

Selain Kampus Alam tersebut, terdapat juga **Kampus Hijau** UniMAP di Sg. Chuchoh yang berkeluasan 253 ekar. Di kampus ini terdapat Stesen Penyelidikan Agroteknologi dengan pelbagai teknologi pertanian terkini termasuk lima buah Rumah Hijau Berteknologi Tinggi.

Di tapak ini jugalah akan dibangunkan projek pertanian berteknologi tinggi untuk mengeluarkan benih dan tanaman bernilai tinggi dengan memanfaatkan teknologi rumah hijau, mekanisasi, automasi dan kultur tisu yang akan dibiayai oleh Northern Corridor Implementation Agency (NCIA) di bawah Northern Corridor Economy Region (NCER) dengan pembiayaan bernilai RM18.1 juta.

Hadirin dan hadirat sekalian,

UniMAP juga memiliki **Kilang Mengajar** dimana teknologi yang diaplikasikan adalah terkini dan canggih kerana peralatan mesin yang kita gunakan di kilang mengajar ini adalah sama seperti yang terdapat di industri. Justeru itu para pelajar tidak akan mempunyai masalah dalam mengendalikan peralatan yang terdapat dikilang-kilang ketika bekerja kelak. Kita juga memiliki **Bilik Bersih (Clean Room)** dan merupakan yang tercanggih dan terbaik di Malaysia.

Mengenai tempat tinggal dan penempatan pelajarannya, UniMAP menyediakan tinggal kemudahan 100 peratus penginapan kepada semua pelajar bagi menjamin keselamatan dan keselesaan pelajarannya.

Di kesempatan ini, saya ingin berkongsi pengetahuan dengan semua hadirin yang hadir, UniMAP baru Sembilan tahun penubuhannya namun dapat melahirkan graduan yang benar-benar berkualiti dan mempunyai kebolehpasaran yang tinggi bagi memenuhi keperluan industri. Sebagai bukti 100 peratus graduan pertama pada 2006 dan 2007 sebanyak 88 peratus direkodkan mendapat pekerjaan, diikuti 85 peratus graduan 2008, 68 peratus graduan 2009 dan 2010 sebanyak 76 peratus.

Hadirin sekalian,

Dari aspek tenaga akademik pula, UniMAP sentiasa memberi fokus dalam menyediakan tenaga akademik dan pensyarah yang berkaliber serta mempunyai kelulusan dalam bidang-bidang pengajian masing-masing. UniMAP memiliki sejumlah 632 tenaga pengajar yang terdiri daripada pensyarah, tutor dan Pegawai Latihan Vokasional (PLV). Jika dipecahkan, jumlah pensyarah adalah seramai 451 orang dengan 26 daripadanya berjawatan Profesor, 93 orang memiliki Ijazah Doktor Falsafah dan 358 orang memiliki ijazah sarjana dan akan mengikuti pengajian peringkat Doktor Falsafah mengikut urutan.

Saya tidak ingin bercakap panjang pada hari ini dan di sini sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis, saya menyeru kepada semua ibu bapa dan penjaga agar

menasihati anak-anak semua untuk mementingkan ilmu pengetahuan dan didiklah mereka agar menjadi insan berguna sehingga berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat menara gading. Hanya dengan ilmu sahajalah akan menjadi harta mereka hingga ke akhir hayat.

Saya juga mengalu-alukan kedatangan para pelajar di negeri ini untuk melanjutkan pelajaran ke UniMAP pada masa akan datang. Jangan takut untuk mengembara jauh bagi menuntut ilmu, seperti kata pepatah “Jauh perjalanan, luas pemandangan” .

Masyarakat Perlis terkenal dengan sikap “Hemoi” atau ramah, dan ini akan membuatkan pelajar akan berasa selesa dalam tempoh yang singkat.

Akhir kata, semoga kalian hidup dengan penuh kasih sayang dan diberkati Allah SWT. Amin.

Ampun Tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata sekali lagi patik ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada Duli Tuanku berdua merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli-duli Tuanku bercemar Duli berangkat mengetuai delegasi Jawatankuasa

Pendokong Askar Wataniah (JAKPAW) Perlis ke kawasan Operasi Pasir ini. Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku berdua begitu besar ertinya buat patik sekalian.

Patik sudahi dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.